

## MyPay mudahkan rakyat semak maklumat, bayaran kepada agensi kerajaan



Sabri Rahman (kiri) mengiringi Saifuddin Nasution pada Pelancaran MyPay di Putrajaya baru-baru ini.

**SYARIKAT** berteknologi maju tempatan, Dapat Vista Sdn Bhd melancarkan MyPay iaitu suatu platform perkhidmatan e-kerajaan yang dibangunkan untuk menggabungkan maklumat individu dengan perkhidmatan kerajaan dan pembayaran dalam talian dengan kecekapan digital.

Platform perkhidmatan digital kerajaan itu menawarkan pengguna kemudahan dalam menyemak baki pinjaman, membuat bayaran untuk pinjaman, mendapat maklumat terkini ke atas saman trafik dan memperbaharui lesen serta membuat aduan dan laporan melalui perkhidmatannya.

Ia akan menghubungkan pengguna dengan pelbagai agensi kerajaan antaranya seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), dan RAM

Credit Information Sdn Bhd (RAMCI).

Pengarah Eksekutif MyPay, Sabri Rahman berkata, pihaknya percaya dengan menyediakan penyelesaian pengurusan maklumat sehenti itu, ia akan membolehkan pengguna menikmati kemudahan menerima maklumat penting dan membuat pembayaran wajib kepada pelbagai agensi kerajaan dengan mudah.

"MyPay juga memberikan agensi kerajaan satu lagi platform atau pilihan pemungutan ke arah penambahan proses pemungutan.

"MyPay membantu menutup jurang di antara pemakluman bil dan pembayaran sekali gus meningkatkan pemungutan," katanya pada Pelancaran MyPay di Putrajaya baru-baru ini.

Hadir merasmikan pelancaran MyPay, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.